

# Pastikan BN dapat menang besar di Kedah

UM 2 MAR 2004

ALOR STAR 11 Mac — Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta calon-calon yang tidak terpilih supaya berpegang kepada janji untuk terus bekerja keras memastikan Barisan Nasional (BN) menang besar di Kedah pada pilihan raya kali ini.

Sambil mengeru semua ahli parti agar menyokong calon yang telah dipilih, bekas Perdana Menteri berkata, beliau juga akan tetap membantu BN memenangi lebih banyak kerusi.

Berucap pada satu majlis di kediaman rasmi Menteri Besar Kedah, di Mentaloon di sini hari ini, Dr. Mahathir berkata, keputusan sama ada dipilih atau tidak sebagai 'habuan' masing-masing.

Menurutnya, mereka yang tidak terpilih menjadi calon, tidak seharusnya merajuk sehingga mengambil tindakan yang boleh merugikan parti.

"Kalau jadi calon itu habuan dia, kalau tak jadi pun itu habuan dia juga. Habuan saya dah habis dah.

"Saya tak sangka 22 tahun jadi Perdana Menteri tetapi itu habuan saya, la ni pencen, habuan saya, syukur Alhamdulillah," katanya.

Tambah Dr. Mahathir, hakikat kejayaan BN sebagai pentadbir sejak selepas merdeka tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa kerana dunia telah mengiktiraf kejayaan kerajaan memajukan negara sehingga menjadi contoh kepada negara-negara lain.

"Kenapa dunia mengiktiraf negara kita adalah kerana parti yang dipilih cekap. Kita tidak persoal siapa orang itu tetapi parti yang penting. Kalau kita

pilih orang itu tetapi tidak boleh buat kerja tidak guna juga," ujar beliau.

Semua pihak, katanya, perlu bertenang dan menerima suratan takdir selain berfikir secara lebih rasional kerana sekiranya parti kalah pada pilihan raya umum kali ini, kemungkinan untuk menang kembali pada pilihan raya akan datang adalah sukar.

Dr. Mahathir turut mengingatkan ahli-ahli parti supaya tidak membuat silap pada pilihan raya kali ini dengan tidak keluar mengundi sebaliknya berusaha sedaya upaya memastikan BN menang dengan majoriti lebih dua pertiga.

## Kelebihan

"Di Kedah, kita pernah kalah di Lunas tetapi kita masih kerajaan. Tetapi kalau jumlah kelebihan kerusi kita hanya satu sahaja dan kita kalah, maka jatuhlah kita. Sebab itu kita mahu sebuah kerajaan yang cukup kuat," katanya.

Dalam ucapannya, Dr. Mahathir juga menyentuh sikap media asing yang sengaja mahu melihat beliau 'melatah' dengan kepimpinan negara yang kini diterajui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr. Mahathir menekankan beliau amat bersetuju dengan setiap tindakan Abdullah yang mahu memerangi rasuah habis-habisan dan beberapa lagi tindakan lainnya kerana ia dibuat semata-mata demi kebaikan negara dan masa depan parti.